

Dr Mahathir optimis ke arah pemulihan negara



Dr Mahathir diiringi Pengerusi Kumpulan PNB, Tan Sri Dr Zeti Aziz bersalaman bersama peserta yang hadir pada PNB Corporate Summit 2019 semalam.

KUALA LUMPUR -

Pemulihan semakin jelas kelihatan apabila kerajaan sekarang bekerja lebih masa dan mencergaskan semula ekonomi daripada keadaan kucar-kacir yang ditinggalkan oleh pentadbiran terdahulu.

Berucap pada Sidang Kemuncak Korporat PNB 2019 di sini semalam, Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad menegaskan bahawa kerajaan melaksanakan reformasi untuk mempertingkatkan kestabilan, memperkukuhkan pengurusan fiskal dan memantapkan tadbir urus korporat serta ketelusan.

Bagaimanapun menurutnya, kerajaan terus dibebani dengan hutang yang ditinggal-

kan oleh pentadbiran sebelum ini meskipun kerajaan mengambil pelbagai langkah untuk menangani perkara itu.

“Sudah setahun setengah sejak kerajaan bertukar. Sambil kita membongkar lebih banyak lagi, kita dapat melihat bagaimana potensi Malaysia telah dibazirkan. Namun begitu, kita juga kini dapat melihat jalan ke arah pemulihan di hadapan,” kata Dr Mahathir.

Dr Mahathir menegaskan bahawa kerajaan kekal komited untuk melaksanakan inisiatif yang diperlukan bagi mencapai matlamat utama menstrukturkan semula ekonomi ke arah menjadi progresif, berasaskan pengetahuan dan memperkasakan rakyat Malaysia.